

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENERIMAAN  
PAKAIAN BRITISH DALAM PAKAIAN RASMI  
DI MALAYSIA SEHINGGA DEKAD 1980AN.

oleh

Azhari bin Haji Haltami

85867502

Tesis ini dikemukakan kepada Kajian Senilukis dan Senireka,  
Institut Teknologi Mara, sebagai memenuhi sebahagian dari-  
pada keperluan Diploma Senilukis dan Senireka.

1. Diperiksa oleh:.....Tarikh.....
2. Diperiksa oleh:.....Tarikh.....
3. Diperiksa oleh:.....Tarikh.....

Diluluskan oleh: .....Tarikh.....

Dekan Kajian

Kajian Senilukis dan Senireka,

ITM, Shah Alam,

Selangor.

## KANDUNGAN

### HALAMAN

PENDAHULUAN .....	iv
PENGHARGAAN .....	vi

### BAB SATU MELAYU

Definasi Tajuk .....	2
Orang Melayu .....	4
Falsafah Orang Melayu .....	6
Pakaian Tradisional Melayu .....	9
- Sejarah Pakaian Tradisional Melayu .....	9
Tengkolok .....	12
Baju .....	13
Seluar .....	14
Sampin dan Bengkong .....	15
Perhiasan dan Kelengkapan .....	15
- Pattern .....	16

### BAB DUA : PAKAIAN RASMI DI MALAYSIA

Pakaian Rasmi .....	18
Pakaian Waktu Siang .....	19
Pakaian Waktu Malam .....	20

## PENDAHULUAN

"Faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan pakaian British dalam pakaian rasmi di Malaysia sehingga dekad 1980an". Ianya boleh dirumuskan sebagai apakah-punca-punca yang sebenarnya menyebabkan orang-orang Melayu dahulu dan sekarang menerima pakaian British dalam pakaian rasmi di Malaysia.

Perkara utama yang dibincangkan dalam tesis ini ialah mencari apakah sebabnya orang-orang Melayu dahulu dan sekarang menerima pakaian British. Apakah penerimaan itu secara sedar atau tidak, dengan rela hati ataupun secara terpaksa ataupun tidak ada pilihan lain lagi dalam menentukan bentuk dan identiti Melayu dalam berpakaian.

Oleh itu, tujuan tesis ini adalah untuk mengenal-pasti apakah faktor-faktor tersebut dan bagaimanakah reaksi orang-orang Melayu dahulu dan sekarang dalam proses menyesuaikan kebudayaan luar terutamanya kebudayaan British. Apakah ianya telah melalui proses yang betul atau sebaliknya dan sejauh manakah penerimaan pakaian British itu dikalangan orang Melayu kini.

Kaedah yang digunakan untuk menghasilkan tesis ini adalah melalui primary data dan secondary data iaitu

## PENGHARGAAN

Disini saya mengucapkan berbanyak terimakasih kepada pehak-pehak tertentu samada persaorangan atau pun jabatan yang telah membantu saya dalam menyiapkan tesis ini. Jasa-jasa Tuan/Puan amat dihargai;

1. Cik Kalsum bt. Muda : Ketua Kursus Senireka Fesyen, KSSR. ITM.
2. En. Najib bin Nor : Pensyarah Senireka Fesyen KSSR. ITM. ( penasihat )
3. Prof. Taib bin Osman : Ketua Fakulti Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
4. Puan Zubaidah bt. Shawal : Pembantu Muzium Kanan, Muzium Negara K.L.
5. Tuan Syed Ahmad b. Jamal : Pengarah Balai Senilukis Negara K. Lumpur.

## Definisi Tajuk.

Menurut kamus Dewan, perkataan " pengaruh" bererti "kuasa yang terbit dari orang (benda dan lain-lain)." Perkataan "mempengaruhi pula bererti "berpengaruh atas, menggunakan pengaruh pada dan menguasai."<sup>1</sup> Didalam bidang fesyen pula membawa maksud "effect of style, usually modification, due to prominence of some period, country etc"<sup>2</sup> yang bermaksud "kesan daripada sesuatu gaya, biasanya pengubahsuaian dari sesuatu yang dikenali ataupun terkenal pada sesuatu zaman, tempat dan lain-lain lagi.

Seterusnya yang dimaksudkan dengan pakaian "rasmi" adalah "when man were tuxedo or white tie and tails, distinctive or ceremonial attire"<sup>3</sup> yang bermaksud bila seorang lelaki itu memakai tuxedo atau tali leher putih dan kot Tails, ianya berperwatakan ataupun berpakaian rasmi disesuatu upacara rasmi.

1. Dr. Teuku Iskandar; kamus Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka: 1984. ms.
2. Omar bin Ali; Pengaruh dan perkembangan pakaian kasual lelaki dikalangan kaum remaja tempatan.  
Tesis: (OA 7 FYN (P17) 01186) ms. 7
3. Ibid.